



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

SAMBUTAN BULAN KESEDARAN KANSER SERVIKS KEBANGSAAN '25

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN SANTUBONG, CIDB CONVENTION CENTRE, KUCHING
27 Januari 2025 (ISNIN)
10.00 PAGI**

Kemas kini 26 Januari 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Kekeluargaan
dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, kita bersyukur dapat berkumpul hari ini dalam majlis penuh bermakna ini, iaitu **Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2025**. Kehadiran anda menunjukkan komitmen bersama kita semua terhadap kesihatan wanita, yang merupakan tunjang kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

2. Majlis ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi satu peringatan penting bahawa **kesihatan wanita tidak boleh dipandang enteng**. Kita mahu setiap wanita sedar bahawa kanser serviks boleh dicegah dan dirawat, terutamanya dengan **pengesanan awal** melalui teknologi perubatan yang semakin maju.

Kepentingan Kesedaran Kanser Serviks

3. Kanser serviks sering dipanggil “**pembunuh senyap**” kerana ia jarang menunjukkan gejala pada peringkat awal. Ramai wanita merasa sihat, tetapi tanpa disedari mereka mungkin berisiko. Menurut **Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023**, **65% wanita berumur 20 tahun ke atas** tidak menjalani saringan kanser serviks dalam tiga tahun terakhir.

4. Antara alasan utama:
 - **90%** merasakan mereka sihat,
 - **84%** tidak mengalami gejala
 - dan **39%** menyatakan kekangan masa

5. Hakikatnya, gejala tidak semestinya menjadi penanda aras untuk kesihatan. **Ujian HPV DNA** mampu mengesan jangkitan sehingga 10 tahun sebelum ia menjadi kanser. Dengan teknologi ini, kita boleh mengesan risiko lebih awal dan mengambil tindakan segera.

6. Saya gembira berkongsi bahawa Malaysia menunjukkan perkembangan positif. Menurut **Laporan Kanser Kebangsaan**, insiden kanser serviks telah menurun dari tangga ketiga ke tangga keenam dalam kalangan kanser wanita antara **2017–2021**. Lebih membanggakan, kanser serviks adalah **satu-satunya kanser** dalam kalangan wanita yang mencatatkan penurunan insiden ini.

7. Dari tahun 2019–2024, melalui program saringan HPV DNA, **162,581 wanita** telah menjalani ujian. Daripada jumlah itu:
- **10,582 kes positif HPV** telah dikesan,
 - **135 kes pra-kanser** dikenal pasti,
 - dan **17 kes positif kanser** telah dirawat.

8. Di Sarawak sahaja, **45,313 wanita** telah menjalani ujian ini, dan walaupun **3,037 kes positif HPV** dilaporkan, kita berjaya mencegah lebih banyak kes menjadi kanser melalui pengesanan awal. Ini adalah bukti jelas bahawa usaha kita memberikan impak.

Sarawak dalam Fokus – Tindakan Untuk Perubahan

9. Sarawak kekal sebagai antara negeri dengan kadar insiden kanser serviks tertinggi. Sebagai langkah strategik, **Kampung Santubong** dipilih sebagai projek perintis. Daripada **790 wanita** berumur 30 hingga 65 tahun, hanya **132 wanita** telah menjalani saringan.

10. Sasaran kami adalah untuk menyaring sekurang-kurangnya **300 wanita setiap tahun** di Kampung Santubong, dan dalam tempoh dua tahun, kita berharap dapat menyaring kesemua wanita yang layak. Usaha ini diharap menjadi contoh kepada negeri-negeri lain untuk menumpukan perhatian kepada lokaliti berisiko tinggi.

Seruan Kepada Semua

11. Hadirin sekalian, perjuangan melawan kanser serviks adalah tanggungjawab bersama. Perlu diingat bahawa kanser serviks adalah penyakit yang **boleh dicegah**, dan pengesanan awal adalah langkah penting untuk melindungi nyawa.

12. Tahun ini, Kementerian bersama **LPPKN** mempergiat usaha dengan menawarkan **saringan HPV DNA secara percuma** kepada wanita berumur **30 hingga 65 tahun** di **50 Klinik Nur Sejahtera** di seluruh Malaysia. Ini adalah peluang besar untuk semua wanita yang layak mengambil langkah proaktif dalam menjaga kesihatan mereka.

13. **Langkah kecil ini mampu menyelamatkan nyawa.** Jangan tunggu sehingga ada gejala—**pengesanan awal adalah kunci untuk mencegah risiko yang lebih besar** di masa depan. Kepada ahli keluarga, sahabat, dan rakan sekerja, saya menyeru anda untuk menggalakkan wanita di sekeliling anda untuk menjalani ujian ini. **Kesihatan wanita adalah tunjang kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat.**

14. Sokongan anda—sebagai individu, keluarga, dan komuniti—adalah penting untuk mencapai matlamat **eliminasi kanser serviks menjelang 2030**. Dengan tindakan bersama, kita bukan sahaja melindungi kesihatan wanita, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan negara secara keseluruhan. Jangan lepaskan peluang ini untuk menjadikan pencegahan kanser serviks sebagai keutamaan kita bersama.

Penutup

15. Akhir sekali, saya ingin merakamkan **terima kasih** kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini, termasuk LPPKN, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, NGO, pihak media, dan semua yang hadir. Bersama, kita dapat mengubah landskap kesihatan wanita di negara ini.

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya merasmikan **SAMBUTAN BULAN KESEDARAN KANSER SERVIKS KEBANGSAAN 2025**.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

27 Januari 2025